

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Monday, May 7, 2018 11:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: PROGRAM JOURNEY TO RECOVERY CURE AND CARE REHABILITATION CENTER (CCRC)



**Pejabat Pembangunan
Pelajar dan Alumni**

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE

Universiti Utara Malaysia

2 MEI 2018 / 16 SYAABAN 1439H

=====
"UUM:UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

SEHARIAN BERSAMA PENGHUNI REMAJA DALAM PROGRAM *JOURNEY TO RECOVERY CURE AND CARE REHABILITATION CENTER (CCRC)*

KULIM, 26 April - Seramai 49 mahasiswa dan mahasiswi dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian serta seorang pensyarah pengiring sebagai penasihat projek Dr Saralah Devi Mariamdaran yang menghadiri program *Journey to Recovery Cure and Care Rehabilitation Center (CCRC)* di Karangan, Kulim Kedah yang dianjurkan oleh Persatuan Kaunseling & Psikologi (PERKAP) pada Rabu, 25 April 2018.

Program ini bertemakan keluarga dimana objektif dominan ialah untuk menyelami perasaan penghuni remaja terhadap keluarga dan mengetahui keinginan keluarga yang diimpikan oleh penghuni remaja. Bukan itu sahaja, ia dapat memberi pendedahan kepada kaunselor pelatih mahasiswa dan mahasiswi dari Universiti Utara Malaysia (UUM) mengenai cara mengendalikan sesi yang sebenar.

Muhammad Asri Bin Jaini, Ketua Program *Journey to Recovery Cure and Care Rehabilitation Center (CCRC)* berkata program ini memberi pendedahan kepadanya bagi mendekati dan menyelami perasaan penghuni remaja dengan lebih dekat lagi. Selain itu, ia dapat memberi pengalaman baru dalam menguruskan sesi bersama penghuni remaja. Program ini juga dapat melawan segala mitos negatif dan stereotaip terhadap penghuni remaja di CCRC, katanya.



Mahasiswa dan Mahasiswi Universiti Utara Malaysia, Penasihat Program (Dr Saralah Devi Mariamdarani) bergambar bersama kakitangan Cure and Care Rehabilitation Center (CCRC) pada program Journey to Recovery Cure and Care Rehabilitation Center (CCRC) di Karangan, Kulim, Kedah

=====

Students Development & Alumni Office
 UUM College of Arts & Sciences
 Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
 Email:cas-sadc@uum.edu.my
 Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.